PENDAKWA RAYA

lwn.

AMIR BIN MD. TAHIR & 2 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
DATO' MOHD GHAZALI BIN MOHD YUSOFF PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 55-1-88]
2 APRIL 1994

PROSEDUR JENAYAH: Hukuman - Homisid salah tak terjumlah membunuh - Kanun Kesiksaan s. 304 cabang pertama - Hukuman patut - Prinsip-prinsip yang harus dipakai.

Ketiga-tiga tertuduh telah dituduh dengan tuduhan membunuh di bawah s. 302 Kanun Kesiksaan. Tuduhan terhadap mereka kemudiannya dipinda kepada satu pertuduhan melakukan homisid salah tak terjumlah membunuh di bawah s. 304 cabang pertama Kanun yang sama. Pada 26 Februari 1994, ketiga-tiga tertuduh mengaku salah terhadap pertuduhan yang dipinda itu dan disabit atas kesalahan tersebut.

Fakta kes menunjukkan bahawa ketika melakukan rompakan di rumah simati, tertuduh telah menikam simati beberapa kali dengan pisau dan memukul kepala simati dengan kayu menyebabkan simati mengalami keretakan tulang di bahagian tengkorak dengan "intracerebral haemorrhage", keretakan "cervical vertebrae" dan "rupture left lung with massive intra pleural haemorrhage". Pada waktu kejadian tertuduh pertama dan kedua berumur 15 tahun dan 21 tahun masing-masing dan sewaktu membuat pengakuan salah di Mahkamah pada 26 Februari 1994 tersebut kesemua mereka telah berada dalam tahanan selama lebih kurang 7 tahun 5 bulan. Soalan yang timbul ialah dalam halkeadaan ini apakah hukuman yang sesuai patut dijatuhkan oleh Mahkamah terhadap tertuduh.

Diputuskan:

[1] Setelah memberi pertimbangan kepada beberapa faktor termasuk kepentingan awam, umur ketiga-tiga tertuduh, bentuk kesalahan, keadaan dalam mana kesalahan telah dilakukan, tahap kekerasan yang ditunjukkan, tempohmasa ketiga-tiga tertuduh berada dalam tahanan ketika menunggu perbicaraan dan hakikat bahawa kesalahan s. 304 adalah jatuh di bawah kesalahan yang serius, adalah patut dan padan bagi Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun masing-masing ke atas ketiga-tiga tertuduh berkuatkuasa dari tarikh 26 Februari 1994, iaitu tarikh mereka mengaku salah dan disabitkan.

[Hukuman seperti perintah].

Kes-Kes yang dirujuk:
PP v. Safian bin Abdullah & Anor. [1983] 1 CLJ 324 ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 ***(dirujuk)***
Abu Bakar bin Alif v. R [1953] MLJ 19 ***(dirujuk)***
R v. Ball 35 Cr. App. R 164 ***(dirujuk)***
PP v. Gopalan [1985] 2 CLJ 492/[1985] 2 MLJ 230 ***(dirujuk)***
Dr. Garner v. PP [1973] 1 MLJ 106 ***(dirujuk)***
PP v. Leo Say & 2 Ors. [1985] 2 CLJ 155 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Kanun Acara Jenayah, s. 282(d)
Kanun Kesiksaan, ss. 302, 304

Bagi pihak pendakwa raya - Y.M. Raja Raziff bin Raja Shaharuddin, TPR
Bagi pihak tertuduh pertama - Michael Teo; T/n. Lim, Han & Teo
Bagi pihak tertuduh kedua - S. Gunasegaran; T/n. John Ang & Jega
Bagi pihak tertuduh ketiga - Kee Sze Ping; T/n. Sze-Ping & Tay

ALASAN PENGHAKIMAN

Mohd Ghazali Bin Mohd Yusoff PK:

Pada asalnya ketiga-tiga tertuduh telah didakwa di bawah s. 302 Kanun Kesiksaan. Walau bagaimanapun tuduhan telah kemudiannya dipinda kepada homisid salah tak terjumlah membunuh di bawah s. 304 Kanun yang sama dan mereka telah mengaku salah.

Ketiga-tiga tertuduh telah mengaku kepada fakta-fakta kes yang menunjukkan pada 25 September 1986, jam lebih kurang 3.00 pagi ketiga-tiga tertuduh telah memasuki rumah simati, dengan tujuan untuk melakukan rompakan, di kediaman attendan hospital yang bertempat di Ladang Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor. Mereka telah kejutkan anak simati yang sedang tidur di bilik belakang rumah tersebut dan mengikatnya. Seterusnya mereka membawa anak simati dan menuju ke bilik tidur simati dibahagian depan rumah tersebut dimana simati sedang tidur bersama isterinya. Pada masa yang sama, simati telah tersedar akibat bunyi bising dan telah membuka pintu biliknya dan, apabila melihat ketiga-tiga tertuduh dengan anaknya sedang menuju ke biliknya, telah dengan segera menutup semula pintu biliknya dan menjerit meminta pertolongan. Ketiga-tiga tertuduh berkenaan telah menendang pintu bilik tidur itu sehingga ianya terbuka. Apabila pintu bilik itu terbuka simati dengan bersenjatakan pengait kelapa sawit telah melawan ketiga-tiga tertuduh. Di dalam pergelutan yang berlaku simati telah ditikam beberapa kali dengan pisau dibeberapa hahagian badannya serta dipukul dengan kayu dibahayian kepala. Ketiga-tiga tertuduh telah kemudian melarikan diri. Simati yang telah pengsan telah dihantar ke hospital di Johor Bahru dan telah disahkan mati apabila sampai di hospital. Hasil bedah siasat menunjukkan bahawa sebab kematian simati ialah keretakan tulang di bahagian tengkorak dengan 'intracerebral haemorrhage', keretakan 'cervical vertebrae' dan 'rupture lung (L) with massive intra pleural haemmorhage'. Laporan polis tentang kejadian telah dibuat di Balai Polis Ulu Tiram dan hasil siasatan yang dijalankan, ketiga-tiga tertuduh telah ditangkap pada 27 September 1986, 4 Oktober 1986 dan 5 Oktober 1986, masing-masing.

Peguam-peguam yang mewakili ketiga-tiga tertuduh telah membuat rayuan meringankan hukuman dan bagi tertuduh pertama dan kedua, faktor yang diutamakan untuk meringan hukuman adalah mereka masih muda pada hari kejadian itu dan tidak berfikir secara matang atas perbuatannya. Menurut Peguam masing-masing, tertuduh pertama dan kedua berumur 15 dan 21 tahun masing-masing pada hari kejadian. Ketiga-tiga tertuduh berasal dari Indonesia dan mereka berhasrat untuk pulang ke Indonesia selepas mereka menjalani hukuman.

Saya berpendapat tindakan mereka menyerang simati tidak menunjukkan mereka kurang matang pada hari kejadian itu. Mereka telah pergi ke rumah simati dengan tujuan merompak tetapi telah bersedia untuk menggunakan kekerasan keatas penghuni rumah itu. Walaupun simati telah menjerit meminta pertolongan mereka tidak menghiraukan jeritan itu dan telah menendang pintu bilik tidur simati dan menyerangnya dengan pisau dan kayu. Keganasan yang ditunjukkan mengambarkan mereka mempunyai sikap penjenayah yang bersedia untuk membuat apa saja dan

tidak mengenal belas kasihan. Mereka telah datang ke negara ini untuk mencari rezeki tetapi telah mengambil kesempatan untuk mencarinya melalui rompakan.

Pada pendapat saya sebelum sesuatu Mahkamah menjatuhkan hukuman, pertimbangan perlu diberi kepada beberapa faktor dan berkenaan perkara ini saya telah membuat rujukan kepada *dicta* di dalam kes P*P v. Safian bin Abdullah & Anor*. [1983] 1 CLJ 324, di m.s. 325:

> Sentencing offenders is indeed a complex discerning process which depends not on the use of a common mathematical yardstick but on various considerations of facts and circumstances relating to the offence, the offender and public interest.

Saya juga telah membuat rujukan kepada kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 dan juga kes *Abu Bakar bin Alif v. R*. [1953] MLJ 19. Kedua-dua autoriti ini telah membuat petikan daripada *dicta* yang terdapat dalam kes *R. v. Ball* 35 Cr. App. R. 169 berhubung dengan faktor-faktor yang sepatutnya diberi pertimbangan oleh Mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman, seperti berikut:

> In deciding the appropriate sentence a Court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the Court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the Court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.

Bagi kes ini saya telah memberi pertimbangan kepada beberapa faktor termasuk kepentingan awam, umur ketiga-tiga tertuduh, bentuk kesalahan, keadaan dalam mana ia telah dilakukan dan tahap kekerasan yang ditunjukkan dan tempohmasa ketiga-tiga tertuduh berada dalam penahanan ketika menunggu perbicaraan.

Kesalahan s. 304 jatuh di bawah golongan kesalahan yang serius dan seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara yang boleh dikenakan dibawah cabang pertama adalah 20 tahun penjara. Kesalahan ini telah dilakukan bersama-sama dan ini menunjukkan mereka telah membuat rancangan sebelum melakukannya. Saya telah membuat rujukan kepada kes *PP v. Gopalan* [1985] 2 MLJ 230, di m.s. 231 yang mana telah mencadangkan hukuman yang berpatutan bagi kesalahan dibawah cabang pertama s. 304 seperti berikut:

> In an offence of this nature, I consider the imposition of 14 years' imprisonment to be expedient with a view to the accused's reformation.

Saya telahpun memberi perhatian kepada tujuan ketiga-tiga tertuduh datang ke negara ini seperti disebutkan oleh Peguam masing-masing semasa rayuan meringankan hukuman dan bahawa mereka telah berada dalam tahanan selama lebih kurang 7 tahun 5 bulan. Tertuduh pertama berhasrat untuk pulang ke Indonesia dan tidak akan kembali lagi apabila ia dibebaskan. Tertuduh kedua memaklum beliau adalah pendatang haram dan telah datang ke negara ini pada tahun 1980 untuk mencari nafkah.

Tertuduh ini memaklumkan beliau pernah bekerja di kilang kelapa sawit di Ulu Tiram dan beliau juga bercadang pulang ke Indonesia selepas dibebaskan. Tertuduh ketiga telah datang ke Malaysia untuk mencari pekerjaan dan pernah bekerja sebagai buruh dalam industri pembinaan dan juga bercadang pulang ke Indonesia selepas dibebaskan.

Kerana kes ini melibatkan kesalahan yang dilakukan oleh warganegara asing saya telah membuat rujukan kepada *dicta* yang terdapat dalam kes *Dr. Garner v. PP* [1973] l MLJ 106 dimana Hakim Chang Ming Tat telah berkata:

> I must deplore any idea that a stranger can come to our shores and break our laws with impunity and hope to get away with his crimes in the expectation that he would be deported. The accused will be deported, in due course but only after he has served a proper sentence.

Sebelum menjatuhkan hukuman saya telah merujuk kepada s. 282(d) Kanun Acara Jenayah yang memperuntukkan:

> Seksyen 282(d) Tiap-tiap hukuman penjara hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam hukuman itu kecuali jika mendapat perintah lain daripada Mahkamah yang menjatuhkan hukuman itu.

Biasanya Mahkamah akan ambil kira tempoh tertuduh berada dalam kurungan dan memberi pertimbangan yang sewajarnya sebelum menjatuhkan hukuman penjara. Walau bagaimanapun ini adalah tertakluk kepada budi bicara Hakim berkenaan dan juga kepada bentuk kesalahan. Saya telah mengambil maklum tentang tempoh ketiga—tiga tertuduh berada dalam kurungan dan juga telah memberi perhatian bahawa tertuduh bagi kesalahan seperti ini tidak boleh dijamin dan bahawa s. 304 Kanun Kesiksaan memperuntukkan mereka hendaklah disiksa dengan penjara yang boleh sampai 20 tahun. Oleh itu saya telah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun keatas ketiga-tiga tertuduh masing-masing berkuatkuasa mulai 26 Februari 1994, iaitu, tarikh mereka telah mengaku salah dan disabitkan.

Seperti yang dikatakan oleh Hakim N.H. Chan di dalam kes *PP v. Leo Say & 2 Ors.* [1985] 2 CLJ 155, di m.s. 161:

> I would be failing in my duty if I do not pass sentences which make it absolutely plain that those who indulge in such conduct do receive sentences of the utmost severity. The sentences should act as a warning to others not to take part in similar offences. Such conduct should not only be held in utter abhorrence by all ordinary men and women, but should receive, when brought to justice, the severest possible punishment.